

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RPK 451 - Ekonomi Bandar Dan Wilayah

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Takrifkan "ekonomi kelompokan"
(b) Terangkan bagaimana kelompokan berlaku menurut pendapat Hotelling dan bincangkan andaian yang dibuat.
(100 markah)
2. Menurut Hurst (1974) terdapat beberapa faktor asas yang mempengaruhi letakan industri di sesuatu tempat. Bincangkan secara ringkas faktor-faktor ini.
(100 markah)
3. (a) Terangkan dua cara untuk menentukan sesuatu aktiviti ekonomi itu adalah aktiviti asas seperti yang digunakan dalam teori asas eksport.
(b) Huraikan ciri-ciri "industri utama" dan "firma pendorong" seperti yang digunakan dalam teori kutub pertumbuhan.
(100 markah)

... 2/-

4. Keluaran Dalam Negeri Kasar (dalam RM Juta) bagi sebuah Wilayah Kajian dan Negara bagi tempoh 1990 - 1994 adalah seperti berikut:

Tahun Sektor	Wilayah Kajian		Negara	
	1990	1994	1990	1994
Pertanian	60	90	300	400
Pembuatan	80	100	400	500
Perkhidmatan	60	110	300	600
Jumlah	200	300	1,000	1,500

Berdasarkan data di atas, huraikan perubahan ekonomi Wilayah Kajian dengan menggunakan kaedah analisis syif-syer. Bincangkan juga kelemahan-kelemahan yang terdapat pada kaedah ini.

(100 markah)

5. Jumlah pengeluaran (dalam RM Juta) bagi sektor-sektor ekonomi sebuah wilayah bagi tahun 1994 adalah seperti berikut:

Sektor	Pertanian	Perkhidmatan	Permintaan Akhir
Pertanian	0	240	160
Perkhidmatan	200	0	400
Lain-lain bayaran	200	360	0

Berdasarkan data di atas:

- (a) Hasilkan sebuah matriks koefisiyen input-output.
- (b) Huraikan kesan perubahan kepada sektor-sektor lain sekiranya permintaan akhir bagi sektor pertanian meningkat sebanyak RM100 Juta dan sektor perkhidmatan sebanyak RM200 Juta pada tahun 1995.

... 3/-

(c) Bincangkan kelemahan-kelemahan analisis input-output sebagai alat pelunjuran.

(100 markah)

6. Bincangkan sama ada:

(a) "Proses urbanisasi dan kesannya kepada pembangunan wilayah di Semenanjung Malaysia".

ATAU

(b) "Masalah ketaksamaan wilayah di Semenanjung Malaysia dan langkah-langkah untuk mengatasinya".

(100 markah)

7. Jelaskan bagaimakah pola gunatanah di sesuatu kawasan pembangunan mempengaruhi nilai hartanah di kawasan tersebut, dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi nilai hartanah.

(100 markah)

ooooOoooo